

18 NOV 1998

INSURANS-HAYAT/I

PASARAN INSURANS HAYAT MALAYSIA BELUM DIMANFAATKAN SEPENUHNYA

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Pasaran insurans hayat tempatan masih belum diterokai sepenuhnya memandangkan ramai lagi rakyat Malaysia belum mempunyai perlindungan insurans hayat, kata pengerusi Arab-Malaysian Assurance Bhd (AMAB), Datuk Azlan Hashim.

Ketika ini, kadar insurans hayat di Malaysia masih rendah pada kadar 30 peratus berbanding dengan 100 peratus di negara-negara maju, katanya kepada pemberita di sini, hari ini, selepas melancarkan dua produk baru daripada AMAB.

Berikutan pasaran yang masih besar, syarikat insurans hayat asing berminat untuk memasuki pasaran tempatan bagi merebut peluang bahagian pasaran, katanya.

Bagaimanapun, beliau menambah terdapat kesedaran yang meningkat di kalangan rakyat Malaysia terhadap keperluan untuk mempunyai insurans hayat selain bergantung kepada faedah rawatan syarikat dan dana pencen.

Sementara itu, syarikat tersebut melancarkan produk insurans hayat terbaru itu dinamakan sebagai "Arab Malaysian Value Pay" dan "Teras Malaysia."

Teras Malaysia adalah polisi insurans kebangsaan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada September lalu yang menyaksikan gabungan syarikat insurans tempatan buat pertama kalinya untuk memperkenalkan skim insurans hayat yang dibentuk untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia.

Azlan berkata polisi Value Pay telahpun memperolehi RM150,000 dalam nilai premium sejak pelancaran awalnya pada bulan lalu.

Dengan menyatakan Value Pay akan meliputi 30 peratus daripada portfolio perniagaan baru AMAB, beliau menambah daya tarikan utamanya adalah skim faedah penjimatan yang dikeluarkan bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa.

Mengenai prestasi syarikat, Azlan berkata AMAB terjejas sedikit berikutan kegawatan ekonomi sama seperti syarikat insurans lain.

Sementara itu, jualan insurans am syarikat telah turun sebanyak 10 peratus, katanya, tetapi menambah dengan produk baru itu ia berharap dapat meningkatkan pertumbuhan sebanyak 20 peratus dalam premium bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac, 1999.

Beliau juga berkata AMAB telah memperkenalkan insurans motor pada Oktober tahun ini dan merancang untuk menambah kepada insurans perumahan menjelang Januari 1999.

Mengenai perniagaan insurans hayat syarikat itu, Azlan berkata ia dijangka berkembang sebanyak 10 hingga 15 peratus dalam tahun kewangan semasa.

Beliau juga menjelaskan sehingga Jun tahun ini, ramai pemegang polisi yang telah menyerahkan polisi mereka dan syarikat itu menyaksikan kenaikan dalam premium baru sejak Oktober.

Mengenai gesaan Bank Negara kepada syarikat insurans untuk bergabung beliau berkata, "Jika anda tidak mampu memenuhi keperluan modal, anda perlu bergabung tetapi di AMAB kami telah memenuhi keperluan modal kami dan tidak terdapat keperluan untuk berbuat demikian."

Beliau bagaimanapun menambah, jika terdapat rakan yang bersesuaian ia mungkin akan menimbang untuk bergabung.

"Kami mempunyai modal sebanyak RM50 juta yang melebihi keperluan modal minimum sebanyak RM35 juta yang ditetapkan oleh Bank Negara.

-- BERNAMA
MK ZK MA